



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI MAC 2025

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Jacob Raju a/l Jayadurai

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdaus
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP RND
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan Mac 2025 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Mac. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Encik Abdul Rashid bin Omar
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



9 772600 853003

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAB INSTUN KALI KE-23

AKTIVITI : Mesyuarat Agung Tahunan Kelab INSTUN Kali ke-23

TARIKH: 24 Mac 2025

TEMPAT : Auditorium INSTUN

PENGLIBATAN : Ahli Kelab INSTUN

RINGKASAN PROGRAM:

Kelab INSTUN telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-23 pada 24 Mac 2025 bertempat di Auditorium INSTUN. Mesyuarat agung pada kali ini telah dihadiri seramai 100 orang ahli. Mesyuarat dimulakan dengan aluan YDP iaitu Encik Zulhasmi bin Mohamad, seterusnya ucapan aluan dan perasmian mesyuarat oleh Penaung Kelab, YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim. Dalam mesyuarat ini, semua aktiviti dan pernyata kewangan telah dibentangkan dan disahkan oleh ahli. Selepas pembubaran jawatankuasa Kelab INSTUN sesi 2023/2025, undian telah dilaksanakan bagi pelantikan jawatankuasa baharu bagi sesi 2025/2027.

Semoga Kelab INSTUN terus maju jaya dan cemerlang dalam melaksanakan program yang berimpak tinggi dan mengurus hal ehwal kebajikan ahli khasnya.



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI MAC 2025



MESYUARAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN BIL.2/2025

Tarikh : 10 Mac 2025 / 9 Ramadhan 1446 H

Tempat : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, INSTUN

Tujuan : Bagi melaporkan perancangan dan prestasi pengurusan dan kewangan Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) bagi tempoh sehingga 1 Mac 2025. Penglibatan: Kakitangan pengurusan dan profesional di Bahagian Ukur dan Pemetaan.

Mesyuarat Pengurusan dan Kewangan Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN Bil.2/2025 yang diadakan pada hari isnin minggu ke-11 bagi tahun 2025 ini telah dipengerusikan oleh Sr Mohd Zaidi bin Zakaria, iaitu Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan Baharu di bahagian.

Dalam mesyuarat yang diadakan tersebut, tuan pengurus mengucapkan penghargaan kepada Sr Ahmad bin Omar yang akan bertukar keluar ke JUPEM Ibu Pejabat setelah berkhidmat di INSTUN dari Julai 2022 sehingga pertengahan Mac 2025. Penghargaan juga kepada Encik Adam Ngu bin Abdullah yang telah bertukar keluar ke JUPEM Ibu Pejabat pada hari mesyuarat ini diadakan. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Sr Zakaria bin Abdullah di atas kenaikan ke Gred J12.

Di dalam mesyuarat yang diadakan ini, semua seksyen dan unit melaporkan kedudukan semasa untuk pelaksanaan dan prestasi pencapaian yang telah disempurnakan sehingga bulan Mac 2025. Bahagian Ukur dan Pemetaan mengucapkan selamat maju jaya kepada pegawai yang bertukar keluar dan selamat datang kepada pegawai Baharu. Semoga bahagian ini akan terus dipacu ke arah kecemerlangan.





BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI MAC 2025

MESYUARAT PENILAIAN PROJEK KAJIAN GNSS BIL.1/ 2025

Tarikh : 14 Mac 2025 / 13 Ramadhan 1446 H

Tempat : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, INSTUN

Tujuan: Bagi menilai Laporan Akhir Kajian Penentuan Kejituhan Pengukuran Ketinggian Menggunakan Kaedah Ukur Aras Global Navigation Satellite System (GNSS).

Penglibatan: Pasukan Projek Kajian daripada INSTUN, Pasukan Projek Kajian daripada Perunding dan seorang wakil daripada Seksyen Infrastruktur dan Rujukan Tegak, JUPEM.

Mesyuarat yang diadakan ini adalah sebagai proses melengkapkan keseluruhan kajian yang telah dijalankan untuk tempoh satu (1) tahun. Selepas menyempurnakan Mesyuarat Jawatankuasa pemandu yang akan menyusul maka selesailah projek kajian yang dilaksanakan oleh perunding UiTM Technoventure.

Dalam mesyuarat yang diadakan tersebut, pihak perunding telah membentangkan kandungan maklumat dan persembahan laporan akhir kepada pasukan projek yang turut sama di dalam mesyuarat yang dijalankan. Perunding akan mengemukakan Laporan Akhir yang sempurna dan lengkap pada 10 April 2025 sebelum kelulusan bayaran kepada perunding.

Semoga kajian yang dijalankan ini memberikan manfaat kepada seluruh pemain industri di luar sana dalam menyediakan ukuran aras laras yang tepat dan baik.



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI MAC 2025



MAJLIS PENGHARGAAN DAN SANJUNGAN BUDI Sr AHMAD BIN OMAR

Tarikh : 19 Mac 2025 / 18 Ramadhan 1446 H

Tempat : Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), INSTUN

Tujuan: Bagi menghargai jasa dan bakti Sr Ahmad bin Omar di Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) INSTUN serta ucapan selamat berkhidmat ke Bahagian Dasar dan Penyelarasian Pemetaan, JUPEM Ibu Pejabat.

Penglibatan: YBrs. Tuan Pengarah INSTUN, Warga BUP serta sebahagian kakitangan INSTUN yang tinggal di kuarters.

Majlis yang sederhana ini diadakan pada sebelah petang dan selesai sehingga jamuan makan selepas solat sunat tarawih. Pada majlis ini, Tuan Pengarah INSTUN sudi meluangkan masa bagi menitipkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Sr Ahmad bin Omar yang telah pun berkhidmat sekitar jun 2021 sehingga mac 2025 di INSTUN.

Sr Ahmad bin Omar menanggung tugas selaku ketua bahagian di BUP selama dua (2) tahun selepas persaraan Sr Ahmad Azmi bin Hashim. Beliau menunjukkan ketokohan dalam kepimpinan dengan sentiasa berusaha melaksanakan tugas yang diberikan dan sentiasa mengambil kira pandangan dan cadangan daripada anak buah. Tidak melenting dan marah namun sentiasa mengajak anak buah untuk sama-sama berbincang dan melaksanakan tugas secara bersama.

Sesungguhnya pertukaran kakitangan di dalam kalangan kakitangan INSTUN merupakan lumrah yang harus diterima. Semoga kenangan dan cinta bersama INSTUN akan kekal terpahat di hati setiap kakitangan yang pernah berkhidmat di sini.





MAJLIS PELANCARAN PROGRAM IHYA' RAMADHAN INSTUN 1446H/2025M

Pada Ramadan 6 Mac 2025M/1446H, Majlis Pelancaran Program Ihya' Ramadhan INSTUN 1446H/ 2025M telah dilaksanakan bertempat di Auditorium, INSTUN. Majlis tersebut telah diraikan oleh kesemua Bangsa INSTUN sebagai tanda meraikan kedatangan Bulan Ramadhan yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaannya. Tuan Pengarah juga telah merasmikan program-program yang akan dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan seperti Program Tadarus Al-Quran, Program Bubur Lambuk INSTUN, Program Solat Sunat Tarawih, Iftar Jamaie Peringkat INSTUN, pelancaran Tabung Ihya' Ramadhan serta Majlis Khatam Al-Quran Peringkat INSTUN.

Objektif penganjuran Majlis ialah untuk memperbanyakkan amalan sunnah dengan menggalakkan solat sunat, terawih, sedekah, dan amalan sunah lain sebagai persediaan meraih ganjaran berlipat ganda. Mengeratkan ukhuwah Islamiah melalui program iftar berjemaah dan tadarus secara bersama serta mempersiapkan diri untuk Syawal dengan membimbing warga INSTUN mengekalkan momentum ibadah Ramadan dalam bulan-bulan seterusnya dengan istiqamah.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Ayat Suci Al-Quran bertarannum daripada Pelajar Darul Quran iaitu Encik Hariz Afnan bin Ab Rahim. Selain itu, Majlis turut diselitkan dengan program Ceramah Penghayatan Ramadhan yang disampaikan oleh Al-Fadil Ustaz Mohamad Lutfi bin Jamel, Penolong Pengarah Kanan Darul Quran JAKIM.

Alhamdulilah, semoga semua Bangsa INSTUN mendapat manfaat daripada penganjuran Majlis ini.



ka itulah yang lebih baik baginya.
ahui," (QS. Al-Baqarah [2]: 184).



BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

BULANAN : EDISI MAC 2024



PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK DAN PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK PERINGKAT INSTUN

26 Mac – Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan aktiviti memasak bubur lambuk sempena Bulan Ramadhan pada kali ini. Aktiviti memasak bubur lambuk merupakan aktiviti tahunan di INSTUN yang bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta memupuk semangat bekerjasama di kalangan kakitangan INSTUN.

Aktiviti ini bermula pada pukul 9.00 pagi dengan kaum wanita mengupas bawang, ubi kentang dan memotong sayur-sayuran sebagai bahan masakan, manakala kaum lelaki menyediakan peralatan serta tempat memasak. Usahasama tenaga staf disumbang secara giliran bagi memastikan pejabat masih ada staf meneruskan urusan pentadbiran harian. Setelah bubur dimasak, aktiviti pembungkusan dilaksanakan secara gotong-royong oleh staf yang berkelapangan. Bubur lambuk kemudian diagihkan kepada staf-staf INSTUN serta staf kontrak pembersihan, keselamatan dan landskap bermula pada pukul 12.00 tengah hari.





BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI MAC 2025

MAJLIS KHATAM AL-QURAN INSTUN 1446H/2025M

27 MAC - Menginjak ke 26 Ramadan, Auditorium INSTUN telah diindahkan dengan alunan bacaan Khatam Al-Quran dari 19 orang warga INSTUN. Untuk makluman, aktiviti Tadarus Al-Quran sepanjang Ramadan kali ini telah disertai oleh seramai 47 orang Bangsa INSTUN keseluruhannya. Keceriaan majlis pagi ini turut terserlah hasil sentuhan dan dekorasi pentas dari team dekorasi PUSPANITA INSTUN. Tuan Pengarah juga telah menyampaikan cenderahati kepada semua peserta Tadarus Al-Quran, Imam dan Bilal Solat Terawih serta cenderamata penghargaan kepada Bendahari Surau As-Sakinah yang telah bertukar keluar iaitu Sr Ahmad bin Omar. Terima kasih yang tidak terhingga di atas segala jasa dan sumbangan beliau dalam mengimarahkan Surau As-Sakinah.


Seksyen Hal Ehwal Islam merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi INSTUN, Surau As Sakinah, PUSPANITA INSTUN, AKRAB INSTUN, Kelab INSTUN INSTUN, Jawatankuasa Induk Program Ihya Ramadan INSTUN 2025 serta seluruh barisan urusetia dan warga INSTUN yang telah bertungkus lumus dan setia memberikan sokongan dalam menjayakan Majlis Khatam Al-Quran khususnya dan program Ihya Ramadan 2025 INSTUN secara umumnya.

Semoga setiap amalan dan ibadah kita pada Ramadan kali ini mendapat ganjaran dari Yang Maha Esa dan moga Allah izinkan kita semua untuk bertemu lagi di Ramadan akan datang.



Tahukah Anda

Dimanakah INSTUN dan Cara Memohon Kursus Online



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah

Institut Tanah dan Urusan Negara
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Tap url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon – untuk memohon kursus.
 - Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Kemaskini Permohonan – untuk mengemaskini maklumat di dalam borang.
 - Batal Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengantti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.